

AKTA SURUHANJAYA SEKURITI 1993

**PERINTAH SURUHANJAYA SEKURITI (KETIDAKPAKAIAN TAKRIF DEBENTUR)
2001**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan (f) dalam takrif “debentur” di bawah subseksyen 2(1) Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 [Akta 498], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Suruhanjaya Sekuriti (Ketidakpakaian Takrif Debentur) 2001**.

(2) Perintah ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2000.

Ketidakpakaian takrif “debentur” bagi Sijil Deposit Boleh Niaga

2. Bagi maksud Bahagian IV Akta, takrif debentur tidak terpakai bagi Sijil Deposit Boleh Niaga (“SDBN”) jika syarat-syarat berikut dipenuhi:

- (a) hasil yang didapatkan daripada penerbitan SDBN digunakan hanya bagi maksud yang dinyatakan dalam Garis Panduan Sekuriti Hutang Persendirian Suruhanjaya;
- (b) penerbitan SDBN adalah daripada institusi berlesen yang layak yang mematuhi Garis Panduan Bank Negara Malaysia bagi SDBN; dan
- (c) tempoh maksimum SDBN tidak melebihi lima tahun.

Dibuat 19 Julai 2001.

[PP(S) 0.361 Jld. III/(25); PN(PU²)523/II]

Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan,

CHAN KONG CHOY

Timbalan Menteri Kewangan